

Hougang Heritage Trail

Jejak Warisan Hougang

Jejak Warisan Hougang adalah sebahagian daripada usaha berterusan Lembaga Warisan Negara untuk mendokumentasikan dan memperkenalkan sejarah dan kenangan sosial mengenai tempat-tempat di Singapura. Kami berharap ia dapat membawa kembali kenangan manis bagi mereka yang telah bekerja, tinggal atau beriadah di kawasan tersebut, dan agar ia menjadi suatu sumber maklumat yang boleh digunakan oleh pengunjung.

Ramakrishna Mission Singapore

Ramakrishna Mission Singapura

179 Bartley Road

Ramakrishna Mission Singapura, ditubuhkan pada tahun 1928, memberi tumpuan kepada sokongan kerohanian dan kebajikan sosial kepada masyarakat. Mission ini telah membeli tapak ini pada tahun 1941 untuk pembinaan sebuah sekolah untuk budak-budak lelaki. Namun dengan bermulanya Perang Dunia II, mission ini memutuskan untuk membina rumah kayu sementara bagi anak-anak lelaki yang miskin dan yatim piatu dan ia telah menempatkan 77 orang kanak-kanak menjelang tahun 1948.

Pesuruhjaya-Jeneral untuk Asia Tenggara, Malcolm MacDonald telah meletakkan batu asas untuk sebuah bangunan tetap baharu pada 10hb Disember 1948. Tingkat pertama bangunan ini siap dibina pada tahun 1950, dan dibuka secara rasmi oleh Jawaharlal Nehru, Perdana Menteri India ketika itu.

Perkarangan mission ini juga merangkumi sebuah kuil yang dibina pada tahun 1952 dengan dana yang disumbangkan oleh dermawan dan ahli perniagaan P. Govindasamy Pillai. Ia juga menempatkan Swami Vivekananda Centenary Memorial Building, yang dibuka secara rasmi oleh Menteri Luar Negara S. Rajaratnam pada tahun 1969. Bangunan ini menempatkan sebuah perpustakaan, sebuah bilik membaca, pejabat-pejabat dan tempat tinggal.

Selama bertahun-tahun, mission ini telah memperluaskan usaha kebajikan dan pembangunan sosialnya. Ia telah mendirikan sebuah tadika pada tahun 1992 membuka sebuah klinik percuma pada tahun 1993 dan menawarkan perkhidmatan kaunseling pada tahun 1995. Mission ini masih memberi khidmat kepada golongan rentan dan yang memerlukan di Singapura hingga hari ini.



Kuil di Ramakrishna Mission, 1954
Koleksi Singapore Press Holdings, ihsan dari Arkib Negara



Kanak-kanak bermain di mission berlatarkan Vivekananda Centenary Memorial Building, tidak bertarikh
Ihsan dari Ramakrishna Mission Singapura



Upacara pembukaan rasmi Swami Vivekananda Centenary Memorial Building oleh Menteri Hal-Ehwal Luar Negara S. Rajaratnam, 1969
Koleksi Kementerian Penerangan dan Seni, ihsan dari Arkib Negara

Serangoon Khiung Jai Co-Villagers Association
Persatuan Penduduk Bersama Serangoon Khiung Jai
102 Lorong Ah Soo

Persatuan Penduduk Bersama Serangoon Khiung Jai telah didaftarkan pada tahun 1958 dan dibuka secara rasmi pada tahun 1962 untuk mewakili dan berkhidmat kepada masyarakat Hainan di Lorong Ah Soo. Sebelum tahun 1980-an, Lorong Ah Soo biasanya dikenali sebagai Hai Lam Hng ("Taman Hainan" dalam bahasa Teochew dan Hokkien) kerana jalan itu merupakan tempat tinggal bagi beberapa ratus keluarga orang Hainan.

Peranan utama persatuan itu adalah untuk menjalin hubungan yang lebih erat dan saling membantu dalam masyarakat Hainan. Ia juga berusaha untuk memperjuangkan opera Hainan, dan pada tahun 1964, ia telah menubuhkan rombongan opera Yi Guang. Sebilangan besar bakat dari rombongan itu menjadi pelakon-pelakon opera mapan di Singapura.

Terdapat institusi-institusi Hainan lain yang penting di Hai Lam Hng yang mempunyai hubungan kukuh dengan Persatuan Penduduk Bersama Serangoon Khiung Jai. seperti Kuil Twee Boey Teng Niang dan Sekolah Wah Mong Kuil Twee Boey Teng Niang didedikasikan kepada Shui Wei Sheng Niang, seorang dewi yang dikenali sebagai pelindung pelaut. Sekolah Wah Mong pula ditubuhkan pada tahun 1937 dan kelas diadakan di pentas opera kuil itu pada tahun-tahun awalnya. Ketiga-tiga institusi tersebut bersama-sama memenuhi keperluan sosial, pendidikan dan kerohanian masyarakat Hainan di kawasan itu.

Persatuan Penduduk Bersama Serangoon Khiung Jai berpindah ke tapaknya sekarang dari lokasi sebelumnya di Lorong Ah Soo pada tahun 1984. Persatuan ini tetap aktif menjalinkan hubungan antara masyarakat Hainan di Singapura.



Para anggota di bekas ibu pejabat Persatuan Penduduk Bersama Serangoon Khiung Jai di Lorong Ah Soo, 1962

Ihsan dari Persatuan Penduduk Bersama Serangoon Khiung Jai



Pentas opera Kuil Twee Boey Teng Niang yang berfungsi sebagai bilik darjah untuk pelajar Sekolah Wah Mong, tidak bertarikh
Ihsan dari Persatuan Penduduk Bersama Serangoon Khiung Jai



Seorang pelakon opera Hainan mapan, Fu Qing Yun (kanan), salah seorang yang bakatnya dipupuk oleh kumpulan opera Guang Yi, mempersembahkan opera Hainan Xue Zhong Mei (Bahasa Cina: Buah plum mekar di salji), 1964
Ihsan dari Persatuan Penduduk Bersama Serangoon Khiung Jai

Paya Lebar Methodist Church
Gereja Methodist Paya Lebar
5 Boundary Road

Gereja Methodist Paya Lebar ditubuhkan pada tahun 1932 oleh Gereja Methodist di Singapura. Namun, kehadiran agama Methodist di Hougang dapat ditelusuri dari tahun 1916 ketika Gereja Methodist memperoleh sebidang tanah untuk mendirikan sebuah sekolah di Boundary Road.

Dikenali sebagai Paya Lebar English School, ia memulakan kelas pada tahun 1918 sebelum berpindah ke sebuah rumah kedai di Upper Serangoon Road pada tahun 1929. Pada tahun 1932, Gereja Methodist merasmikan Gereja Methodist Paya Lebar di rumah kedai yang sama, dan pada tahun 1938, sebuah bangunan gereja baharu dibina di tapak sekarang di Boundary Road. Seiring berjalannya waktu, beberapa pembangunan semula telah dijalankan dan bangunan sekarang ini siap dibina pada tahun 1998.

Gereja Methodist Paya Lebar terkenal dengan servisnya yang diadakan dalam bahasa Melayu Baba untuk orang-orang Kristian Peranakan. Gereja ini juga pernah menempatkan ministri Cina, Gereja Cina Methodist Paya Lebar, dari tahun 1938 hingga 1968, sebelum berpindah ke lokasi sekarang di Upper Paya Lebar Road. Hari ini, gereja ini aktif dalam perkhidmatan sosial dan memberikan penjagaan selepas sekolah sambil menyokong hal-hal kebajikan bagi kurang daya penglihatan.

Selain daripada Gereja Methodist Paya Lebar, Gereja Methodist juga telah membina suatu warisan pendidikan di Hougang. Paya Lebar Methodist Girls' School (Rendah dan Menengah) telah bermula sebagai sebuah sekolah untuk budak-budak lelaki yang dinamakan Paya Lebar English School. Sebelum penempatan semula ke lokasi sekarang, sekolah ini pernah menempati bangunan Covenant Centre di belakang bangunan utama Gereja Methodist Paya Lebar.



Bangunan pertama Gereja Methodist Paya Lebar, tidak bertarikh
Ihsan dari Gereja Methodist Paya Lebar



Para pengibadat menghadiri Servis Peranakan di gereja, 1960-an
Ihsan dari Gereja Methodist Paya Lebar



Para pengibadat dari ministri Cina di luar gereja, tidak bertarikh
Ihsan dari Gereja Methodist Paya Lebar

Zi Yun Kai Ji Gong 58 Hougang Ave 3

Kompleks Zi Yun Kai Ji Gong yang siap dibina pada tahun 1996 menempatkan tiga buah kuil, Kai Hock Tong, Keat Sun Beo dan Chao Ying Kong, yang masing-masing dipindahkan dari tapak asal mereka di Wolskel Road, Lorong Chuan dan Yishun. Ketiga-tiga kuil itu didirikan oleh masyarakat Hokkien.


Kai Hock Tong bermula sebagai keramat keluarga untuk pengasasnya Lim Loh (1852-1929) dan kerabatnya dari Nan An, Fujian, Cina. Lim Loh adalah seorang pembina dan ahli perniagaan perintis dan bapa kepada pahlawan perang Lim Bo Seng. Pada mulanya, keramat itu ditempatkan di kilang batu bata kepunyaan Lim di Wolskel Road dan kemudian sebuah kuil tetap telah dibina untuk menempatkan keramat dan jumlah pengibadat yang semakin meningkat pada tahun 1919. Kuil ini berpindah ke lokasi sekarang pada tahun 1990-an.

Keat Sun Beo telah didirikan pada tahun 1898 di Lorong Chuan oleh pendatang Hokkien dengan nama keluarga "Tan". Ia berfungsi sebagai keramat keluarga untuk keluarga Tan sebelum dibuka untuk pengibadat dari kerabat dan kumpulan dialek lain. Selain dari fungsi keagamaannya, kuil ini juga memberi dermasiswa kepada golongan pelajar yang tinggal di kawasan Hougang yang memerlukan bantuan.

Chao Ying Kong, kuil terbaharu dari yang ketiga-tiga kuil itu, didirikan pada tahun 1988 di Yishun dengan abu dupa yang dibawa dari kuil utama dengan nama yang sama di Nan An, Fujian oleh para pemimpin kuil. Hari ini, kuil tersebut terus mengekalkan hubungan yang kuat dengan kuil utama di Cina melalui lawatan pertukaran.



Kai Hock Tong di kilang batu bata kepunyaan Lim di Wokskel Road sebelum dipindahkan, tidak bertarikh
Ihsan dari Kai Hock Tong



Gambar Lim Loh yang dikenali juga sebagai Lim Chee Ghee, bapa kepada Lim Bo Seng, 1920-an

Koleksi Lee Brothers Studio, ihsan dari Arkib Negara



Keramat keluarga Keat Sun Beo, 2020
Ihsan dari Lembaga Warisan Negara



Para pengibadat di pembukaan rasmi Chao Ying Kong di lokasi sebelumnya di
Yishun, 1988
Ihsan dari Chao Ying Kong

Church of the Nativity of the Blessed Virgin Mary
Gereja Nativity of the Blessed Virgin Mary
1259 Upper Serangoon Road

Gereja Nativity of the Blessed Virgin Mary adalah tempat beribadah tertua di Hougang. Sejarahnya bermula pada tahun 1852 ketika Les Mission Étrangères de Paris (MEP) di Perancis mengirim mubaligh pertamanya, Father Ambroise Maistre ke Hougang. Father Maistre memperolehi tanah dari pemerintah kolonial dan mendirikan sebuah gereja kecil berbumbungan atap pada tahun 1853 untuk berkhidmat kepada penduduk Katolik Teochew yang semakin meningkat. Pada mulanya, gereja itu dikenali sebagai Gereja St. Mary yang kemudian dibina semula menjadi sebuah bangunan batu-bata.

Mission tersebut membina sebuah gereja baru dengan seni bina gaya Neo-Gothic pada tahun 1901. Dinamakan semula sebagai Gereja Nativity of the Blessed Virgin

Mary, bangunan tersebut menjalani penambahan lebih lanjut seperti sayap tepi bangunan, sebuah sanktuari dan sebuah bilik untuk menyimpan barang-barang keagamaan pada tahun 1933. Patung marmar Immaculate Conception of Mary di depan gereja itu telah dihadiahkan oleh Sultan Ibrahim dari Johor. Patung itu diterima dengan perarakan dan diberkati pada tahun 1946.

Gereja itu berfungsi sebagai tempat perlindungan bagi penduduk kampung semasa Perang Dunia II. Ia juga memainkan peranan penting dalam memberikan pendidikan untuk golongan muda di daerah ini. Beberapa sekolah terkemuka termasuk Sekolah Menengah Holy Innocents, Sekolah Rendah dan Menengah Monfort, dan CHIJ Our Lady of the Nativity dimulakan di perkarangan gereja.

Gereja itu diwartakan sebagai Monumen Nasional pada tahun 2005. Hubungan sejarah kukuh antara masyarakat Teochew dan gereja masih jelas dalam massa Teochew yang diadakan oleh gereja setiap minggu hingga hari ini.



Gereja Nativity of the Blessed Virgin Mary, 1976
Ihsan dari Arkib Negara




Foto dari udara yang menunjukkan gereja dan pelbagai bangunan sekolah di perkarangannya, 1958

Foto dari udara oleh Tentera Udara Diraja Britain antara tahun 1940 hingga 1970-an, dari koleksi yang dipegang oleh Arkib Negara. Hak cipta Crown.



Perarakan para pengibadat yang membawa ikon Our Lady of Perpetual Succour di perkarangan gereja, 1964

Ihsan dari Gereja Nativity of the Blessed Virgin Mary

5th Milestone

Batu Penanda ke-5

Batu penanda ke-5 Upper Serangoon Road bermula dekat dengan persimpangan Bukit Arang Road dengan Upper Serangoon Road dan meluas hingga batu penanda ke-6 berhampiran Flower Road. Amalan merujuk kepada tempat-tempat dengan batu penanda terdekat mereka berasal dari pendekatan pemerintah kolonial yang menunjukkan jarak jauh dari bandar dengan meletakkan penanda fizikal, iaitu sebuah batu penanda.

Walaupun Hougang merupakan suatu kawasan yang penduduknya rata-rata terdiri daripada orang-orang Teochew, batu penanda ke-5 juga merupakan tempat tinggal bagi masyarakat lain termasuk orang-orang Hokkien (sepanjang Lorong Lew Lian) dan Hainan (sepanjang Lorong Ah Soo). Dari Hillside Road ke Simon Road, terdapat juga masyarakat Serani yang makmur dan beberapa kampung-kampung Melayu. Sebelum tahun 1980-an, daerah ini sudah sibuk dengan kemudahan-kemudahan seperti sekolah dan tempat ibadat yang memenuhi keperluan masyarakat yang berbilang di situ serta kedai dan pasar yang berkembang pesat.

Bagi kebanyakan penduduk, kehidupan sosial berpusat di sekitar batu penanda 5½ berhampiran Lim Tua Tow Road. Pihak berkuasa telah membina pasar Lim Tua Tow pada awal 1950-an dan iaberoperasi sehingga tahun 1990-an.

Penjaja-penjaja dapat dilihat menjajakan barangan mereka di kaki lima sekeliling pasar ketika pasar itu dibuka kerana kekurangan gerai penjaja untuk menempatkan setiap pemohon.

Teck Chye Terrace adalah suatu lagi titik pertemuan sosial sepanjang batu penanda ke-5 dan menempatkan kedai dan kedai makan di tingkat bawahnya. Terletak bersebelahan dengan pasar sebelumnya, barisan rumah kedai ini adalah salah satu bukti terakhir yang tersisa sebelum pembangunan semula. Dibina pada tahun 1928 oleh Lim Teck Chye, seorang peniaga, rumah kedai ini direka dengan ciri Art Deco yang merangkumi elemen hiasan geometri di atas tingkap tingkat dua. Hari ini, Teck Chye Terrace masih terkenal dengan hidangan makanannya.



Batu penanda ke-5 Upper Serangoon Road dan sekitarnya, 1938
Ihsan dari Arkib Negara



Pasar Lim Tua Tow yang terkenal dengan penjualan hasil keluaran yang segar,
1986

Ihsan dari Arkib Negara



Gambar Teck Chye Terrace, 1983

*Dari Koleksi Lee Kip Lin. Hak cipta terpelihara. Lee Kip Lin dan Lembaga
Perpustakaan Negara, Singapura 2009*



Kawasan di sekitar batu penanda ke-5 Upper Serangoon Road, dengan Gereja
Methodist Paya Lebar di sudut paling kanan, 1967

Koleksi Kementerian Penerangan dan Seni, ihsan dari Arkib Negara

Tou Mu Kung Hougang **779A Upper Serangoon Road**

Tou Mu Kung Hougang adalah kuil tertua di Singapura yang didedikasikan kepada Nine Emperor Gods. Dewa-dewa itu dikenali dalam bahasa Hokkien sebagai Kew Ong Yah, yang juga mempengaruhi para pengibadat untuk mengenali kuil itu sebagai kuil Kew Ong Yah. Kuil ini bermula sebagai keramat di Lim Loh Village (Wolskel Road sekarang) pada tahun 1902, dengan abu dupa yang dibawa dari kuil Nine Emperor Gods di Pulau Pinang. Catatan awal kuil menunjukkan bahawa para pengibadatnya berasal dari pelbagai kumpulan dialek Cina termasuk Hokkien, Teochew, Hainanese dan Hakka.

Seorang perniaga bernama Ong Chwee Tow mendermakan tapak ini untuk pembinaan kuil baharu pada tahun 1919. Kuil ini siap dibina pada tahun 1921 dengan gaya seni bina tradisional Hokkien pada asalnya, dengan ciri-ciri seperti kelengkungan yang ketara pada rabung bumbung. Ciri-ciri seni bina Teochew seperti rabung bumbung yang lebih lurus ditambahkan dalam pengubahsuaian berikutnya dan pentas opera kekal didirikan pada tahun 1925.

Kuil ini terkenal dengan perayaan Nine Emperor Gods yang diadakan pada bulan kesembilan kalendar lunar Cina ketika para dewa dipercayai turun dari langit ke bumi. Perayaan ini bermula pada hari terakhir bulan lunar kelapan dengan perarakan dari kuil ke Sungei Serangoon untuk mengundang para dewa ke dalam kuil. Dewa-dewa akan dihantar dari sungai dengan perarakan besar pada hari terakhir perayaan itu.

Tou Mu Kung Hougang diwartakan sebagai Monumen Negara pada tahun 2005 sebagai pengiktirafan kepentingan sejarah dan sosialnya bagi Hougang dan negara. Kerja-kerja yang meluas telah dilancarkan pada tahun 2016 untuk memelihara warisan bangunan dan memberi khidmat yang lebih baik kepada para pengibadatnya. Bangunan kuil utama dipulihkan sementara bangunan tambahan termasuk blok bertingkat dan tempat letak kereta bawah tanah telah ditambahkan.



Sebelum pengubahsuaian, unsur-unsur Hokkien jelas terlihat pada rabung bumbung kuil itu dengan kelengkungannya yang lebih ketara, c. awal 1900-an

Ihsan dari Arkib Negara



Panggung opera kekal di kuil itu telah dirobuhkan pada tahun 1998 untuk memberi jalan bagi pelebaran jalan raya, 1978

Koleksi Ronni Pinsler, ihsan dari Arkib Negara



Perarakan tandu-tandu yang membawa Nine Emperor Gods di kuil, 1990

Koleksi Lembaga Pelancongan Singapura, ihsan dari Arkib Negara



Tandu-tandu yang digunakan untuk membawa Nine Emperor Gods di kuil, 1990

Koleksi Lembaga Pelancongan Singapura, ihsan dari Arkib Negara

Masjid Haji Yusoff **2 Hillside Drive**

Masjid Haji Yusoff yang dibina pada tahun 1921 adalah masjid tertua di Hougang. Tanah di mana ia dibina telah disumbangkan oleh seorang pedagang dan dermawan Gujarat, Ahmad Mohamed Salleh Angullia. Angullia, dilahirkan di Singapura pada

tahun 1874, terkenal dalam hal-hal sivik. Dia merupakan Jaksa Pendamai, anggota Suruhanjaya Perbandaran dan pemegang amanah pelbagai masjid dan organisasi Islam.

Masjid ini menjadi mercu tanda penting di Hougang sejak ia didirikan. Bagi penduduk bekas perkampungan Melayu-Muslim di kawasan itu, seperti Kampong Haji Sirat di Jansen Road, masjid ini merupakan pusat kerohanian dan sosial. Penduduk Cina di Hougang juga merujuk daerah sekitar masjid sebagai Sembahyang Tng, yang menggabungkan kata Melayu untuk "sembahyang" dengan kata Hokkien untuk "paviliun".


Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah telah didirikan di perkarangan masjid itu pada tahun 1930-an. Sekolah agama itu menempatkan sekitar 40 orang pelajar yang tinggal di Hougang. Madrasah itu kemudian bergabung dengan sebuah madrasah lain iaitu Madrasah Ulumul Quran dan berpindah ke Toa Payoh. Institusi yang digabungkan terus mengekalkan nama Madrasah Al-Arabiah Al-Islamiah hingga ke hari ini.

Dengan pembangunan semula bandar di Hougang, masjid ini juga menyaksikan jumlah jemaah yang semakin meningkat dengan kelonjakan jumlah penduduk Islam yang tinggal di kawasan itu. Masjid ini menjalani pembinaan semula pada tahun 1994 untuk meningkatkan kapasitinya dan menambahkan lebih banyak kemudahan seperti bilik darjah. Masjid ini terus berkhidmat kepada penduduk Islam di Hougang hingga hari ini.



Masjid Haji Yusoff sebelum dibangunkan semula pada tahun 1990-an, tidak bertarikh

Ihsan dari Masjid Haji Yusoff



Menteri Luar Negara pada waktu itu, S. Dhanabalan, mengunjungi masjid, 1984
Ihsan dari Masjid Haji Yusoff



Jemaah wanita yang mengikuti kelas agama Islam di masjid, 1980-an
Ihsan dari Masjid Haji Yusoff

St. Paul's Church
Gereja St. Paul's
839 Upper Serangoon Road

Gereja St. Paul dibina pada tahun 1936 dan asal-usulnya dapat ditelusuri ke tahun 1930-an ketika sekumpulan orang-orang Kristian Anglikan mula bertemu untuk beribadah di rumah salah seorang jemaah yang terletak di sepanjang Upper Serangoon Road. Sebilangan besar jemaah awal berasal dari keluarga anggota tentera Britain yang dikerahkan ke bahagian timur laut Singapura.

Jumlah penganut jemaah bertambah selama bertahun-tahun dan Uskop Anglikan ingin memperluaskan jangkauannya kepada penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar Singapura. Dengan itu, Uskop Anglikan telah membeli tapak pada tahun 1935 untuk membina sebuah gereja baharu.

Kos membina gereja ditanggung oleh George Rae Oehlers, seorang kontraktor Serani yang terkenal dan juga pelayan di katedral Anglikan utama, St Andrew's Cathedral. Oehlers, yang keluarganya tinggal di Upper Serangoon Road, membina gereja itu untuk mengenang anaknya Harry, yang telah meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya di England pada tahun 1934. Batu asas gereja telah diletakkan pada tahun 1935 oleh Sir Andrew Caldecott, Gabenor Hong Kong.

Bangunan gereja juga telah menjalani beberapa pengubahsuaian dan perluasan selama beberapa tahun untuk berkhidmat kepada para jemaahnya dengan lebih baik. Dewan parisy yang ada sekarang telah ditambah pada tahun 1982 dan perluasan selanjutnya disiapkan pada tahun 1994. Selain berfungsi sebagai tempat sembahyang, Gereja St. Paul juga berkhidmat kepada masyarakat di Hougang melalui kerja-kerja kebajikan sosialnya untuk mereka yang rentan dan memerlukan.



Gereja St. Paul's sedang dalam pembinaan, 1936
Ihsan dari Gereja St. Paul's



George Rae Oehlers, Speaker pertama Dewan Undangan Singapura dan orang Serani pertama di Singapura yang dikurnia darjah satria, tidak bertarikh
Ihsan dari Gereja St. Paul's



Gambar Gereja St. Paul's, 1983

Dari Koleksi Lee Kip Lin. Hak cipta terpelihara. Lee Kip Lin dan Lembaga Perpustakaan Negara, Singapura 2009

6th Milestone


Batu penanda ke-6

Sebelum pembangunan semula bandar, tempat-tempat di sepanjang Upper Serangoon Road dikenali menerusi batu penanda yang terdekat kepada mereka. Batu penanda tersebut adalah penanda fizikal yang ditempatkan oleh pentadbiran kolonial untuk menunjukkan jarak jauhnya dari bandar. Batu penanda ke-6 dikenali sebagai "Lak Gor Cheok" ("batu penanda ke-6" dalam bahasa Hokkien dan Teochew) bagi penduduk tempatan dan bermula dari Flower Road hingga batu penanda ke-7 di Jalan Payoh Lai.

Jalan sepanjang batu penanda ke-6 adalah titik pertemuan yang sibuk dengan adanya sebuah pasar, pusat kesihatan dan kampung-kampung. Pasar Upper Serangoon sebelumnya terletak di sepanjang Simon Road. Pasar yang dibina pada tahun 1948 terkenal dengan penjualan ayam itik sehingga ia berhenti beroperasi pada tahun 1999. Berhampiran pasar ini terdapat deretan unit rumah-rumah teres satu tingkat yang menempatkan kedai-kedai runcit, kedai-kedai makan dan bengkel kenderaan. Deretan unit rumah-rumah teres ini adalah satu-satunya bangunan yang masih berkekalan di kawasan bekas pasar hingga hari ini.

Batu penanda ke-6 juga merupakan kawasan yang terkenal dengan hiburan dan kerja-kerja kebajikan sosial. Di persimpangan Tampines dan Upper Serangoon Road dahulu, terdapat suatu bulatan jalan di mana para pencerita meletakkan diri mereka dan menarik perhatian orang ramai. Di Lim Ah Pin Road, terdapat Lim Ah Pin Clinic. Dibuka pada tahun 1953, ia menjadi salah satu pusat masyarakat yang pertama Singapura di kawasan luar bandar, yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan seperti klinik bersalin dan kesejahteraan bayi, kelas untuk kanak-kanak dan kelab untuk budak-budak lelaki.

Walaupun pembangunan semula bandar telah mengubah landskap batu penanda ke-6, warisan luar bandar pada masa dahulu masih jelas seperti bangunan di bekas perkarangan Lim Ah Pin Clinic. Nama jalan juga merujuk kepada peneroka awal kawasan yang memiliki tanah di kawasan itu seperti Simon Road dan Aroozoo Avenue (sempena nama seorang penduduk Serani Simon Joaquim Aroozoo); Lim Ah Pin dan Florence Roads (sempena nama seorang ahli perniagaan Cina Lim Ah Pin dan isterinya Florence Yeo).



Batu penanda ke-6 Upper Serangoon Road pada tahun 1958. Pasar Simon Road dahulu berada di persimpangan Tampines Road dan Upper Serangoon Road.
Koleksi Kementerian Pembangunan Negara, ihsan dari Arkib Negara



Wanita dan kanak-kanak sedang menunggu rawatan di Lim Ah Pin Clinic, 1958
Koleksi Kementerian Penerangan dan Seni, ihsan dari Arkib Negara



Gerai ikan di pasar Simon Road, 1986
Ihsan dari Arkib Negara



Papan tanda di pintu masuk Pasar Upper Serangoon, yang lebih dikenali sebagai pasar Simon Road di kalangan penduduk, 1986
Ihsan dari Arkib Negara